

Gambaran Keseluruhan Skim Pensijilan Halal Muis

Jenis-jenis Skim Pensijilan Halal Muis


Muis menawarkan tujuh jenis skim pensijilan Halal untuk pelbagai sektor makanan dan industri yang berkaitan.

Skim Pusat Makanan (*Eating Establishment*)



Dikhususkan untuk perniagaan makanan seperti restoran, kantin sekolah, gerai makanan ringan, kedai roti, kedai kek dan pastri, gerai penjaja, gerai sementara di bazar, pasar lambak, pameran perdagangan dan lain-lain.

Skim Produk



Dikhususkan untuk produk yang dikilang atau diproses sebahagiannya atau sepenuhnya di Singapura. Produk yang mendapat pensijilan Halal boleh menggunakan logo Halal Muis.

Skim Pengesahan



Surat pengesahan dikeluarkan untuk produk import atau eksport yang telah disahkan Halal di negara asal oleh badan pensijilan Halal luar negara yang diiktiraf Muis.

Skim Kemudahan Penyimpanan (*Storage Facility*)



Dikhususkan untuk kemudahan penyimpanan bergerak atau mudah alih, seperti bilik sejuk dan gudang.

Skim Kawasan Penyediaan Makanan



Dikhususkan untuk perniagaan catering dan dapur pusat (*central kitchen*).

Skim Keseluruhan Kilang (*Whole Plant*)



Dikhususkan untuk sesebuah kilang dan kesemua produk yang dikeluarkan dari premis tersebut. Semua produk yang dikilangkan di situ perlu diisytiharkan oleh pengilang dan diluluskan oleh Muis sebelum logo Halal Muis boleh digunakan.

Skim Rumah Penyembelihan Ayam Itik



Dikhususkan untuk rumah penyembelihan yang menyembelih ayam/itik.



Imbas kod QR untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai Jenis Skim Pensijilan Halal Muis dan Kriteria Kelayakan (HCC).

Proses Pensijilan Halal Muis

01 Pra Pensijilan



Pertanyaan mengenai Pensijilan Halal Muis boleh dibuat melalui:

- E-mel: info@muis.gov.sg
- Nombor talian: (65) 6812 6060 / (65) 6359 1199
- Bimbingan secara langsung (*walk-in*):
23 Mayo Street
Singapore 208323

02 Permohonan



- Permohonan boleh dibuat melalui portal GoBusiness di <https://www.gobusiness.gov.sg/licences/foodservices>
- Bayaran penuh yuran permohonan (*application fee*) dan 40% yuran pensijilan (*licence fee*)
- Syarat-syarat permohonan berikut perlu dipenuhi sebelum permohonan dibuat:
 - lesen SFA/NEA/HSA yang sah
 - ketua* jawatankuasa Halal (Halal team) dan wakil beragama Islam (Muslim representative) telah mengikuti Program Asas Pengetahuan Halal
 - Operasi sudah bermula

*Ketua tidak diwajibkan beragama Islam

03 Pemprosesan



- Permohonan diproses dan diteliti untuk memastikan Syarat Pensijilan Halal Muis (HCC) dituruti
- Audit pensijilan dijalankan di premis
- Pemprosesan permohonan akan bermula dalam tempoh 7 atau 14 hari bekerja selepas bayaran telah disahkan untuk permohonan ekspres (7) atau biasa (14).

04 Pensijilan



- Sijil Halal akan dikeluarkan sebaik sahaja permohonan diluluskan dan bayaran untuk baki yuran pensijilan telah disahkan.

05 Pasca Pensijilan



- Pemantauan rawak akan dijalankan untuk memastikan semua syarat dituruti
- Pemegang Sijil Halal diwajibkan mengemaskini setiap perubahan butiran (misalnya kakitangan beragama Islam, menu / produk, barang mentah, pembekal dan lain-lain) di portal GoBusiness.

06 Pembaharuan



- Permohonan untuk memperbaharui Sijil Halal Muis perlu dibuat dalam tempoh 60 - 120 hari sebelum tarikh luput atau memilih untuk membuat permohonan pembaharuan secara automatik (*auto renewal submission*).

Contoh syarikat yang telah memohon skim yang berbilang:

Syarikat A mengilangkan produk yang dibungkus dalam pek runcit untuk dijual kepada pengguna di pasar raya setempat/pasar raya besar dan untuk dieksport.

Dapur pusat (*central kitchen*) yang membekalkan produk ke pusat makanan

Menggunakan gudang penyimpanan untuk bahan-bahan mentah di luar kawasan tempat memasak/penyediaan/pengilangan

Terlibat dengan bazar dan/atau ekspo dalam tempoh jangka pendek dan memerlukan pensijilan seperti, Food Hotel Asia, Bazar Geylang Tahunan, dan lain-lain

Mengikuti konsep kaunter bawa pulang (*takeaway counter*) atau makan di kedai/restoran

Premis	Skim yang Dikenakan	Asbab
	Produk	Menjual/menyediakan produk siap yang diproses untuk dijual di kedai runcit/pasar raya yang tidak dikendalikan sendiri atau untuk dieksport.
Dapur Pusat	Kawasan Penyediaan Makanan	Bahan atau produk mentah diproses di kawasan pusat berlainan daripada kedai runcit. Dapur yang menyediakan produk dan mengedarkan ke kedai runcit yang dikendalikan sendiri .
Kedai Makanan	Pusat Makanan Sub-skim: Gerai makanan ringan	Menjual produk di kaunter bawa pulang yang tidak menyediakan ruang makan.
	ATAU Sub-skim: Restoran	Menjual produk di restoran atau gerai yang mempunyai ruang makan yang khusus.
Bazar & Ekspo	Pusat Makanan Sub-skim: Jangka pendek	Menjual produk di gerai sementara di bazar dan/atau ekspo. <i>Nota: Hanya pemegang Sijil Halal Muis sahaja yang boleh memohon untuk skim ini.</i>
Kemudahan Penyimpanan	Kemudahan Penyimpanan	Menyimpan bahan mentah di kemudahan penyimpanan yang dikendalikan sendiri (yang terletak di luar kawasan tempat memasak/penyediaan/pengilangan); jika dikendalikan oleh penyedia logistik pihak ketiga (TPL), maka penyedia tersebut perlu mempunyai Sijil Halal Muis yang sah.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Muis di info@muis.gov.sg atau di talian (65) 6812 6060 / 6359 1199